

ورتاق فرنشن Warta Penerangan



APRIL 2018





Dengan Ingatan Tulus Ikhlas
Daripada
**Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri.**



Terbitan Unit Penerbitan Melayu
Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri

“Membudayakan Masyarakat Bermaklumat”

Sidang Redaksi

Penasihat
Mawardi bin Haji Mohammad

Penyelaras/Penyemak/Reka Letak
Unit Penerbitan Melayu

Sumber Berita & Fotografi
PELITA BRUNEI dan
pegawai dan kakitangan
Jabatan Penerangan



WARTA Penerangan merupakan sebuah majalah terbitan Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri yang memaparkan aktiviti dan program jabatan sepanjang bulan.

Sumber berita dan gambar dipetik dari Pelita Brunei, hasil penulisan pegawai dan kakitangan jabatan.

Warga Jabatan Penerangan juga dialu-alukan untuk memberi sumbangan berita dan gambar aktiviti-aktiviti di bahagian dan cawangan masing-masing.

Berita dan gambar berkenaan boleh dihantar ke Unit Penerbitan Melayu, Tingkat 2, Bangunan Lama Jabatan Penerangan.

Isi Kandungan

Piala HBT 2018 jadi rebutan	5
JPM semarak Sambutan Israk Mikraj	6
Program Sua Muka sampaikan dasar kerajaan kepada masyarakat	7-8
Tingkatkan penyampaian berkesan Pegawai Penerangan	8
Program Sua Muka bersama Pemangku Ketua Kampung Lumut I	9-10
Majlis Perpisahan Mahasiswa UBD	10
Kuiz ASEAN 2018 beri peluang penuntut bersaing secara sihat dan kompetitif	11
Penyampaian sijil kepada mahasiswa UBD	11
Suntik semangat patriotisme, perpaduan pelajar	12-13
Pupuk kesedaran sivik pelajar	14
Semai semangat patriotik pelajar	15
Jabatan Penerangan adakan Program Perkampungan Sivik Lepasan Ijazah	16
Kenang-kenangan penglibatan pegawai dan kakitangan semasa Jubli Emas	17
Peristiwa penting Jabatan Penerangan	17
Pedoman	17
Tanamkan kesedaran mengenai ASEAN diteruskan	18
Jabatan Penerangan adakan Jerayawara Penggunaan Banner	19
Kukuhkan semangat solidariti pelajar	20-21
Hayati peranan penubuhan ASEAN dan negara	22
Terapkan kefahaman tentang peraturan	22
Peserta Program Kembara Muslimah tinjau Jabatan Penerangan	23
Senarai pegawai dan kakitangan yang menyertai taklimat/kursus/bengkel pada bulan ini	23

Muka

NOTA: Sidang Redaksi memohon maaf jika terdapat sebarang berita, maklumat, gambar dan sebagainya yang tidak disiarkan dalam keluaran ini. Harap maklum.

Piala HBT 2018 jadi rebutan

Oleh: Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto: Mohamad Azmi Awang Damit, Unit Penerbitan Melayu

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 23 April. - Tujuh negara akan memulakan misi merebut Piala Hassanal Bolkiah Kejohanan Bola Sepak Bagi Belia ASEAN 2018 (HBT 2018) bermula 23 April sejurus Upacara Pembukaan Rasmi HBT 2018 di Stadium Negara Hassanal Bolkiah yang penuh meriah dengan kehadiran ribuan rakyat dan penduduk yang sama-sama memberikan sokongan.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam merasmikan kejohanan menyerikan lagi majlis yang pastinya akan menjadi ristaan manis HBT tahun ini.

Sementara itu, warga Jabatan Penerangan juga tidak ketinggalan terlibat sepanjang HBT 2018 ini diadakan bermula 23 April hingga 5 Mei 2018, bertugas dengan penuh dedikasi agar penglibatan tersebut memberikan banyak pengalaman dan pengajaran yang perlu dipelajari.



AHLI Jawatankuasa Kerja Media dan Publisiti bagi Piala Hassanal Bolkiah Kejohanan Bola Sepak Bagi Belia ASEAN 2018 (HBT 2018) semasa bertugas.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan merasmikan Piala Hassanal Bolkiah Kejohanan Bola Sepak Bagi Belia ASEAN 2018 (atas dan bawah).



SUASANA sepanjang Piala Hassanal Bolkiah Kejohanan Bola Sepak Bagi Belia ASEAN 2018 (HBT 2018) yang berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

JPM semarak Sambutan Israk Mikraj

Oleh: Khartini Hamir
Foto: Hamzah Mohidin



BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 16 April. - Sempena memperingati peristiwa Israk Mikraj, Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya mengadakan Majlis Sambutan Israk Mikraj yang diungkayahkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

Majlis yang diadakan di Dewan Bankuet, Jabatan Perdana Menteri (JPM) itu dihadiri oleh Menteri di JPM, Yang Berhormat Dato Seri Paduka Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud.

Turut hadir ialah Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned; dan Peguam Negara, Yang Berhormat Datin Seri Paduka Dayang Hajah Hayati binti Pehin Orang Kaya Shahbandar Dato Seri Paduka Haji Mohd. Salleh.

Majlis dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran yang dibacakan oleh Awang Abdul Aziz bin Noor Nasran dari Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Acara diserikan lagi dengan ceramah khas yang disampaikan oleh Daie Bertauliah Majlis Ugama Islam Brunei, Awang Abdul Rahman bin Haji Ajak yang antara lain mengetengahkan makna sebenar Israk dan Mikraj serta beberapa peristiwa-peristiwa bersejarah yang berlaku di dalamnya.

Majlis diakhiri dengan bacaan doa selamat.

Majlis Sambutan Israk Mikraj merupakan acara tahunan JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya yang bertujuan untuk mengeratkan lagi silaturahim dalam kalangan warga JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya, di samping memperingati peristiwa Israk

MENTERI di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Paduka Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud semasa menghadiri Sambutan Israk dan Mikraj JPM. Turut hadir ialah Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

dan Mikraj Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Juga hadir di majlis tersebut ialah Setiausaha Tetap; Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap; ketua-ketua jabatan dan warga JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya.

DAIE Bertauliah Majlis Ugama Islam Brunei, Awang Abdul Rahman bin Haji Ajak semasa menyampaikan ceramah khas sempena Sambutan Israk dan Mikraj JPM.



ANTARA pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan yang hadir di majlis tersebut.



Program Sua Muka sampaikan dasar kerajaan kepada masyarakat

Oleh: Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto: Muhammad Asri Haji Awang Abas

MUKIM BOKOK, TEMBURONG, Selasa, 17 April. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri terus bergiat aktif dalam menemui secara dekat penduduk kampung di negara ini melalui Program Sua Muka atau dikenali dengan *Personal Contact*, ke arah usaha untuk terus menjalin kolaborasi yang lebih erat dalam hal ehwal kemasyarakatan.

Program pada kali ini diadakan di rumah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu yang juga selaku Penghulu Mukim Bokok berserta Ahli Majlis Perundingan Kampung.

Mengetuai rombongan Jabatan Penerangan ialah Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad, disertai oleh beberapa orang pegawai dan kakitangan daripada Cawangan Penerangan, Daerah Temburong.

Program Sua Muka ini adalah salah satu program di bawah strategi kerja jabatan, iaitu Komunikasi Bersemuka, yang dihasratkan untuk meningkatkan hubungan dua hala di antara pihak kerajaan dengan rakyat.

Program ini merupakan platform untuk menyampaikan dasar dan maksud kerajaan demi memelihara perpaduan dalam kehidupan bermasyarakat, ke arah cintakan agama, bangsa, Raja dan negara.



AHLI MMN, Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu, semasa memberi ucapan alu-aluan.

Ianya juga untuk mendapatkan isu-isu dan pendapat, cadangan yang perlu diambil perhatian dan tindakan oleh pihak-pihak yang berkenaan dalam kerajaan.

Turut menyertai Program Sua Muka tersebut ialah rombongan dari Radio Televisyen Brunei yang diketuai oleh Pengarah RTB, Awang Haji Muhammad Suffian bin Haji Bungsu.

Melalui program berkenaan, pihak jabatan memperkenalkan dan membarigakan aplikasi mudah alih Jabatan Penerangan ‘InfoDeptBN’ dan seterusnya menerangkan tatacara untuk memuat turun aplikasi ‘InfoDeptBN’ melalui Google Playstore bagi pengguna Android dan App Store bagi pengguna iOS.



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu yang juga selaku Penghulu Mukim Bokok, berserta Ahli Majlis Perundingan Kampung bergambar ramai bersama rombongan Jabatan Penerangan yang diketuai oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad.

Juga dikongsikan bersama penggunaan bendera, banner dan bahan-bahan yang mempunyai kepentingan nasional, serta bahan-bahan bacaan mengenai Wawasan Brunei 2035 dan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013 juga dikongsi bersama.

Di era yang serba canggih ini, Jabatan Penerangan juga tidak ketinggalan untuk mempunyai laman media sosialnya di mana penduduk negara ini boleh mengikuti Facebook Jabatan Penerangan iaitu Jabatan Penerangan Jabatan Perdana Menteri, Akaun Twitter: '@infodept_bn' dan Akaun Instagram: '@infodept.bn' dan memuat turun Aplikasi Mudah Alih InfoDeptBN bagi pengguna Apple dan Android.



PENYAMPAIAN hadiah cenderahati oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad kepada Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu.

Tingkatkan penyampaian berkesan Pegawai Penerangan

Berita dan Foto: Unit Penerbitan Melayu

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 9 April. - Lima orang pegawai Jabatan Penerangan mengikuti Kursus Penyampaian Berkesan di Bilik Kuliah, Aras 3, Institut Perkhidmatan Awam bermula 9 April hingga 12 April 2018. Kursus tersebut disampaikan oleh Haji Noor Husseini bin Haji Mohd. Hussein.

Kursus tersebut dihasratkan untuk meningkatkan kredibiliti pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan dalam menjalankan tugas-tugas yang telah diamanahkan kepada mereka. Khususnya dalam bidang penyampaian yang berkesan.



BRAINSTROMING dijalankan semasa kursus tersebut.



PENYAMPAIAN sijil kepada pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan.



Program Sua Muka bersama Pemangku Ketua Kampung Lumut I

Oleh: Noraisah Muhammed
Foto: Muhammad Asri Haji Awang Abas

LUMUT, Isnin, 16 April. - Jabatan Penerangan meneruskan Program Sua Muka bersama Pemangku Ketua Kampung Lumut I, Haji Awang Aziz bin Ghani, berserta Ahli Majlis Perundingan Kampung yang dihasratkan untuk meningkatkan hubungan dua hala di antara pihak kerajaan dengan rakyat.

Program yang diadakan di kediaman Pemangku Ketua Kampung Lumut I itu merupakan platform untuk menyampaikan dasar dan maksud kerajaan demi memelihara perpaduan dalam kehidupan bermasyarakat, ke arah cintakan agama, bangsa, Raja dan negara serta untuk mendapatkan isu-isu dan pendapat, cadangan yang perlu diambil perhatian dan tindakan oleh pihak-pihak yang berkenaan dalam kerajaan.



JABATAN Penerangan telah mengungkayahkan Program Sua Muka dalam usaha untuk terus mendekati penduduk kampung di negara ini.

Rombongan Jabatan Penerangan yang diketuai oleh Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar dan beberapa orang pegawai dan kakitangan daripada Cawangan Penerangan Daerah Belait telah dialu-alukan oleh Pemangku Ketua Kampung Lumut I serta Ahli Majlis Perundingan Kampung.

Program tersebut merupakan salah satu aktiviti berterusan Jabatan Penerangan dalam usaha untuk terus menjalin kolaborasi yang lebih erat dalam hal ehwal kemasyarakatan.



ROMBONGAN Jabatan Penerangan diketuai oleh Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar dan disertai oleh beberapa orang pegawai dan kakitangan daripada Cawangan Penerangan Daerah Belait.



PEMANGKU Ketua Kampung Lumut I, Haji Awang Aziz bin Ghani, berserta Ahli Majlis Perundingan Kampung semasa menyuarakan permasalahan yang dihadapi oleh penduduk kampung.



BERGAMBAR ramai bersama Pemangku Ketua Kampung Lumut I, Haji Awang Aziz bin Ghani dan Ahli Majlis Perundingan Kampung.

Sementara itu pada hari Rabu, 18 April, Program Sua Muka atau dikenali dengan *Personal Contact* kali ini diadakan di rumah kediaman Ketua Kampung Lumut II/Pemangku Ketua Kampung RPN Kampung Lumut, Awang Haji Abdul Rahman bin Hashim berserta Ahli Majlis Perundingan Kampung.

Rombongan Jabatan Penerangan dialu-alukan oleh Ketua Kampung Lumut II serta Ahli Majlis Perundingan Kampung.

Mengetuai rombongan Jabatan Penerangan pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar disertai oleh beberapa orang pegawai dan kakitangan dari Cawangan Penerangan Daerah Belait, Jabatan Penerangan.

Sembilan perkara antara yang dikongsikan daripada pihak MPK dan penduduk kampung adalah permasalahan termasuk cadangan yang berkaitan dengan prasarana dan kemudahan awam.

Penduduk kampung juga turut mengutarakan masalah berkaitan dengan isu keselamatan seperti kes-kes kecurian dan pecah rumah yang kerap berlaku di kampung berkenaan serta keselamatan yang berhubung dengan pengguna jalan raya.



MENGETUAI rombongan Jabatan Penerangan, Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar.



SESI bergambar ramai bersama Ketua Kampung Lumut II, Awang Haji Abdul Rahman bin Hashim.

Majlis Perpisahan Mahasiswa UBD

Berita dan Foto: Unit Penerbitan Melayu

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 19 April. - Para mahasiswa Universiti Brunei Darussalam (UBD) seramai tiga orang telah menamatkan penempatan kerja mereka di Jabatan Penerangan selama empat bulan bermula 15 Januari hingga 21 April 2018. Mereka telah ditempatkan di Unit Penerbitan Inggeris 1 dan Unit Penerbitan Inggeris 2. Majlis perpisahan untuk para mahasiswa berkenaan diadakan di bilik Bahagian Penerbitan dan Seni Grafik. Mudah-mudahan dengan penempatan mereka ini akan menambah pengalaman dan berjaya di dalam bidang yang mereka ceburi.



SUASANA semasa Majlis Perpisahan yang diadakan di bilik Bahagian Penerbitan dan Seni Grafik.

Kuiz ASEAN 2018 beri peluang penuntut bersaing secara sihat dan kompetitif

Berita dan Foto: Ak. Sy'i'aruddin Pg. Dauddin

BERAKAS, Isnin, 16 April. - Jabatan Penerangan selaku Sekretariat bagi Jawatankuasa Kecil Penerangan (SCI), Komiti ASEAN Mengenai Kebudayaan dan Penerangan (ASEAN-COCAI) Negara Brunei Darussalam dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Kokurikulum (JPKK), mengadakan Taklimat bagi Kuiz ASEAN 2018 yang berlangsung di Ruang Legar, JPKK, Berakas.

Taklimat disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Ketua Unit Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Penerangan, Dayang Mufidah binti Abdul Hakim selaku Setiausaha bagi Jawatankuasa Kecil Penerangan dan Ketua Unit Akli, JPKK, Dayang Hajah Hajidah binti Haji Wahab yang antara lain menjelaskan mengenai peraturan peringkat saringan yang akan diadakan pada 15 Mei 2018 di Auditorium Jabatan Penerangan dengan soalan yang berbentuk ujian bertulis selama 90 minit.

Manakala peringkat akhir pula akan diadakan pada 11 Ogos 2018 yang mana hasil daripada keputusan tersebut, tiga penuntut terbaik akan mewakili Negara Brunei Darussalam untuk Kuiz ASEAN Peringkat Serantau Kali Ke-8 di Bali, Republik Indonesia pada November 2018.



PEGAWAI Penerangan, Ketua Unit Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Penerangan, Dayang Mufidah binti Abdul Hakim selaku Setiausaha bagi Jawatankuasa Kecil Penerangan semasa menyampaikan taklimat dalam majlis tersebut.

Pertandingan tersebut dibukakan kepada para pelajar sekolah-sekolah menengah dan maktab-maktab dan pusat tingkatan enam yang mana setiap sekolah hanya dibenarkan untuk menghantar maksimum dua orang wakil sahaja.

Pertandingan tersebut bertujuan untuk meningkatkan penglibatan remaja dalam kegiatan ASEAN kerana mereka adalah pemangkin masa depan negara, selain untuk memberi peluang kepada para penuntut yang terpilih untuk bersaing secara sihat dan kompetitif.

Penyampaian sijil kepada mahasiswa UBD

Oleh: Unit Penerbitan Melayu
Foto: Azimatul Azimah binti Siti Rahmat

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 21 April. - Para mahasiswa Universiti Brunei Darussalam (UBD) seramai tiga orang iaitu Dayang Khairunnisa binti Haji Johari, Dayang Siti Nur Shakina binti Alais dan Dayang Aneesa Suhaila binti Mohammad dalam jurusan English Language & Linguistics telah menamatkan penempatan kerja mereka di Jabatan Penerangan selama empat bulan bermula 15 Januari hingga 21 April 2018.

Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad menyampaikan sijil kepada para mahasiswa berkenaan yang diadakan di Ruang Legar, Tingkat Bawah, Bangunan Tambahan, Jabatan Penerangan.

PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad menyampaikan sijil kepada mahasiswa yang telah menamatkan penempatan kerja di Jabatan Penerangan.



Suntik semangat patriotisme, perpaduan pelajar

Oleh: Rohani Haji Abdul Hamid/Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad/Haniza Abdul Latif

Foto: Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 16 April. - Kenali ASEAN yang dikelolakan oleh Jabatan Penerangan melalui Unit Hal Ehwal Antarabangsa yang juga selaku Jawatankuasa Kecil Penerangan ASEAN-COCA meneruskan jerayawaranya ke Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Berangkat ke jerayawara berkenaan, Pengiran Anak 'Abdul Muta'ali Haziq Hamidullah bin Pengiran Anak Haji Abdul 'Ali Yil-Kabier dan Pengiran Nur 'Aabidah Syifa' binti Pengiran Anak Haji Mohammed Al-Mokhtar, masing-masing pelajar Tahun 7 sekolah berkenaan.

Hadir pada program tersebut, Ketua Pegawai Eksekutif YSHHB, Awang Norhaizamdin bin Haji Mosbi dan Pengetua sekolah, Puan Chung Li Chen.

Seramai 241 penuntut Tahun 7, 8 dan 9 hadir mendengarkan Taklimat Kenali ASEAN, yang disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Dayang Mufidah binti Abdul Hakim yang juga Ketua Unit tersebut.

Program seumpama ini bertujuan untuk membarigakan serta memberi pendedahan meluas mengenai maklumat asas berkaitan ASEAN, terutama di kalangan para pelajar yang juga bakal pewaris kesinambungan bangsa dan berperanan dalam memangkin hala tujuan negara pada masa hadapan.



BERANGKAT ke jerayawara berkenaan, Pengiran Anak Abdul Muta'ali Haziq Hamidullah bin Pengiran Anak Haji Abdul 'Ali Yil-Kabier (atas) dan Pengiran Nur 'Aabidah Syifa' binti Pengiran Anak Haji Mohammed Al-Mokhtar, pelajar Tahun 7 Sekolah YSHHB.



PENGETUA Sekolah Menengah YSHHB bergambar ramai bersama para pelajar yang memenangi Kuiz ASEAN.

Jerayawara juga dihasrat dapat meningkatkan kesedaran dan pengetahuan para penuntut sekolah mengenai ASEAN, selain mengenal pasti sejauh mana pengetahuan mereka berkaitan ASEAN, termasuk peranannya dalam membangun negara-negara anggotanya.

Program merupakan salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan bagi menyuntik semangat patriotisme dan sifat perpaduan di kalangan pelajar sekali gus mengukuhkan hubungan kedua institusi.

Sementara itu pada hari Khamis, 5 April taklimat yang sama diadakan di Ruang Legar Sekolah Menengah Seri Mulia Sarjana (SMS), Kampung Mata-Mata.

Hadir selaku tetamu kehormat dalam program tersebut ialah Pengetua Sekolah Menengah SMS, Dayang Gazala binti Abdullah, dan turut dihadiri oleh 180 penuntut dari Tahun 8 sekolah tersebut.

Taklimat Jerayawara Kenali ASEAN disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Ketua Unit Hal Ehwal Antarabangsa, Dayang Mufidah binti Abdul Hakim selaku Setiausaha bagi Jawatankuasa Kecil Penerangan.



SALAH seorang pelajar mencuba menjawab soalan kuiz mengenai ASEAN.



TAKLIMAT Kenali ASEAN disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Ketua Unit Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Penerangan, Dayang Mufidah binti Abdul Hakim selaku Setiausaha bagi Jawatankuasa Kecil Penerangan.



PARA penuntut Sekolah Menengah Seri Mulia Sarjana mendengar taklimat Kenali ASEAN.

Manakala pada hari Sabtu, 7 April taklimat yang sama diadakan di Dewan Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Kampung Katok.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pengetua Sekolah tersebut, Dayang Hajah Rusidah binti Haji Talip.

Turut hadir, pegawai dan kakitangan dari Unit Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Penerangan, para guru dan lebih 1,021 penuntut Tahun 7, 8 juga 9 sekolah berkenaan.

Taklimat Jerayawara mengenai ASEAN disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Ketua Unit Hal Ehwal Antarabangsa, Dayang Mufidah binti Abdul Hakim selaku Setiausaha bagi Jawatankuasa Kecil Penerangan.

Tetamu kehormat juga menyampaikan hadiah kepada sepuluh penuntut yang berjaya menjawab Kuiz ASEAN.



TETAMU kehormat, Pengetua Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha menyampaikan hadiah kepada penuntut-penuntut yang berjaya menjawab Kuiz ASEAN.



LEBIH 1,021 penuntut Tahun 7, 8 dan 9 Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha menghadiri Jerayawara Kenali ASEAN.

Pupuk kesedaran sivik pelajar

Oleh: Haniza Abdul Latif/Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto: Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman/Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin

TUTONG, Rabu, 4 April. - Seramai 372 pelajar Tahun 7, 9 dan 10 telah menghadiri Program Rakan Remaja Penerangan di Dewan Kumpul, Sekolah Menengah Muda Hashim, Tutong.

Hadir selaku tetamu kehormat dalam program tersebut ialah Ketua Kluster, Dayang Norasurah binti Haji Meludin.

Acara dimulakan dengan nyanyian Lagu Kebangsaan Allah Peliharakan Sultan dan lagu patriotik Bendera Negara daripada penuntut Sekolah Menengah Muda Hashim, diikuti dengan tayangan klip video pendek bertajuk Kibarkan Bendera Negara Dengan Megah dan Semarak Pengibaran Bendera Negara.

Program diteruskan lagi dengan tayangan video animasi Tatacara Menaikkan Bendera Negara, diikuti dengan taklimat bertajuk Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam yang disampaikan oleh Ketua Cawangan Penerangan Daerah Tutong, Awang Hasanul Hidayat bin Haji Abu Bakar.

Program Rakan Remaja Penerangan (RRP) dilaratkan lagi ke Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali (SMSSA), Salambigar, pada hari Selasa, 17 April 2018.

Hadir selaku tetamu kehormat Ketua Bahagian Pengambilan, Perkembangan dan Profesional, Kementerian Pendidikan, Awang Mazlin bin Haji Bujang.

Taklimat disampaikan oleh Penolong Pegawai Penerangan, Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Awang Mohd. Nurakram bin Norain @ Bahrin.



KETUA Kluster, Dayang Norasurah binti Haji Meludin hadir selaku tetamu kehormat dalam program tersebut.

Acara juga diserikan dengan persempahan Deklamasi Sajak daripada penuntut sekolah berkenaan dan dimeriahkan lagi dengan lawak jenaka dan kuiz yang disampaikan oleh pelawak-pelawak undangan tanah air, manakala hadiah-hadiah disampaikan oleh tetamu kehormat kepada 15 penuntut yang berjaya menjawab kuiz berkenaan.



KETUA Bahagian Pengambilan, Perkembangan dan Profesional, Kementerian Pendidikan, Awang Mazlin bin Haji Bujang hadir selaku tetamu kehormat dalam Program Rakan Remaja Penerangan.

Program RRP merupakan program khusus bagi golongan remaja terutama bagi pelajar sekolah dalam menyebarluaskan maklumat semasa untuk menjadikan mereka sebagai ejen dalam penyebaran maklumat yang positif dan berkesan kepada rakan sebaya.

Ia juga bertujuan untuk memberikan kesedaran sivik dan semangat kenegaraan ke arah pembentukan minda serta moral positif.



ANTARA pelajar yang hadir dalam Program Rakan Remaja Penerangan.

Semai semangat patriotik pelajar

Oleh: Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad/Aimi Sani

Foto: Muhammad Asri Haji Awang Abas/Aimi Sani

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 3 April. - Rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam seharusnya bersyukur bernaung di bumi yang permata di bawah tumpuk pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, seorang Raja yang sangat berpemedulian.

Perkara tersebut antara yang terkandung dalam Program Taklimat Kenegaraan yang disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya yang juga selaku Ketua Unit Kenegaraan.

Dayang Hajah Hamsah juga menerangkan mengenai sejarah, jenis-jenis bendera yang terdapat di negara ini serta tatacara pengibaran dan pemasangan bendera Negara Brunei Darussalam yang betul termasuk denda-denda bagi penyalahgunaan bendera yang tidak betul.



SERAMAI 400 pelajar Tahun 7 daripada sekolah berkenaan menghadiri Program Taklimat Kenegaraan.

Sementara itu pada hari Selasa, 10 April taklimat yang sama diadakan di Maktab Sultan Omar ‘Ali Saifuddien dihadiri oleh Pengetua Sekolah, Awang Zamain bin Abdul berserta 174 penuntut dari Tahun 7 sekolah berkenaan dan juga tenaga-tenaga pengajar sekolah.

Taklimat bertajuk ‘Raja Kita, Menghayati Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan’, disampaikan oleh Ketua Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan Jabatan Penerangan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya.

Taklimat diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada para penuntut yang berjaya menjawab Kuiz Kenegaraan.

Taklimat yang dihadiri seramai 400 penuntut tahun 7 Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Kampung Katok itu juga didedahkan mengenai Lagu Kebangsaan iaitu Allah Peliharakan Sultan yang antara lain adalah suatu doa untuk Raja dan negara yang kita cintai ini.

Hadir mendengarkan taklimat yang diadakan di Surau sekolah itu, Pengetua sekolah, Dayang Hajah Rusidah binti Haji Talip serta guru-guru sekolah berkenaan.

Taklimat juga diselajurkan dengan tayangan klip video Kibarkanlah Dengan Megah Bendera Negara, Semarak Pengibaran Bendera Negara dan video animasi Tatacara Menaikkan Bendera Negara diikuti Aplikasi Mudah Alih InfoDeptBN.



TAKLIMAT disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya.

PARA penuntut dari Tahun 7 Maktab Sultan Omar ‘Ali Saifuddien yang menghadiri taklimat tersebut.



PARA penuntut bergambar ramai semasa Program Taklimat Kenegaraan.



Jabatan Penerangan adakan Program Perkampungan Sivik Lepasan Ijazah

Oleh: Khartini Hamir/Haniza Abdul Latif/Aimi Sani

Foto: Masri Osman/Muhammad Asri Haji Awang Abas/Aimi Sani

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 29 April. - Peserta Perkampungan Sivik Lepasan Ijazah merupakan bakal pemimpin yang akan meneruskan *survival* bangsa dan negara, dari itu mereka perlu diberikan kefahaman dan maklumat mengenai falsafah, aspirasi dan matlamat negara supaya mereka ini nanti akan dapat mengimbangi pengetahuan akademik mereka.

Perkara tersebut antara yang ditekankan oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad dalam Majlis Pembukaan Program Perkampungan Sivik Lepasan Ijazah Negara Brunei Darussalam Kali Pertama 2018 yang diadakan



PROGRAM Perkampungan Sivik Lepasan Ijazah Negara Brunei Darussalam Kali Pertama 2018 dihadiri oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad.

di Dewan Auditorium, Bangunan Tambahan Jabatan Penerangan.

Selain menjalani sesi *Ice Breaking* dan *Team Building* yang dikendalikan oleh Outward Bound Brunei Darussalam (OBBD), para peserta juga berpeluang untuk mengikuti pelbagai bentuk sesi perkampungan termasuk taklimat dan sesi dialog, lawatan ke jabatan-jabatan kerajaan dan swasta termasuk perusahaan kecil dan sederhana, sesi percambahan fikiran secara berkumpulan, aktiviti berpasukan, sukan dan riadah, aktiviti keagamaan serta kempen kebersihan.

Program kelolaan Jabatan Penerangan melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan tersebut melibatkan seramai 20 peserta terdiri daripada lepasan ijazah dari institusi-institusi pengajian tinggi dalam dan luar negara, yang mana mereka akan berkampung selama enam hari lima malam (29 April-4 Mei) di Dewan Kompleks Sukan Sungai Kebun.



SUASANA sesi percambahan fikiran secara berkumpulan.



PEGAWAI Narkotik dari Biro Kawalan Narkotik, Awang Mohd. Saifulzali bin Abdullah semasa menyampaikan taklimat kepada peserta Program Perkampungan Sivik pada 30 April 2018.



PARA peserta menyaksikan rangkaian produk tempatan di Bangunan Reka Bentuk dan Teknologi (D&T), Kampung Anggerek Desa yang diadakan pada 30 April 2018.



PESERTA yang mengikuti Perkampungan Sivik didedahkan dengan aktiviti Program ‘Team Building’.

Kenang-kenangan penglibatan pegawai dan kakitangan semasa Jubli Emas

Berita dan Foto: Unit Penerbitan Melayu

BAGI warga Jabatan Penerangan yang terlibat semasa Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta telah diberikan pingat dan *notebook* tanda kenang-kenangan dan terima kasih kerajaan kepada mereka yang telah sama-sama menjayakan sambutan tersebut.




ANTARA warga Jabatan Penerangan yang menerima pingat dan notebook di atas penglibatan mereka semasa Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta.



Peristiwa penting Jabatan Penerangan

PELITA Brunei keluaran 29 April 1998, Program Hari Penerangan yang diselajurkan dengan pelancaran projek Indahnya Kampung Halamanku mendapat sambutan yang menggalakkan ketika itu dari orang ramai khususnya penduduk Mukim Telisai, Tutong.



SETIAUSAHA Tetap di Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Hazair dan Setiausaha Tetap di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Haji Adanan ketika menjawab isu yang dilimbulkan di Majlis Perjempuan Muhibah Penerangan di Sekolah Rendah Tumpuan Telai.

Hari Penerangan :

Wadah eratkan hubungan

Oleh
Bolhassan HAB

PROGRAM Hari Penerangan yang diadakan di Kampung Halaman telah mendapat sambutan yang baik dan positif daripada ramai khususnya penduduk setempat.

Majlis pelancaran kedua-dua acara tersebut telah berlangsung pada hari Jumaat, 13 April di Telisai pada hari Ahad, 19 April lalu.

Projek Inilah Kampung Halaman yang dikelolak oleh Majlis Perundungan Kampung Halaman bersama dengan dilancarkan oleh Pegawai Daerah Tahkik Awam dan Ahli Majlis di bawah Pehlim, Dr. Petronas Dewi Dato' Paduka Awang Hajji Abdul Razak.

Pelancaran projek yang akan berlaku selama empat bulan ini telah dimulakan dengan ucapan aluan-aluan oleh Ketua Kampung Tunas dan Ketua Masyarakat Muhammad bin Damit yang juga sebagai pengurus pertubuhan kawasan tertentu tersebut.

Sementara itu pelancaran Program Hari Penerangan yang dilaksanakan pada hari Jumaat, 13 April dengan kerjasama Majlis Perundungan Mukim Telisai telah diadakan di Masjid Jamek Terengganu Tetap di Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya.

Hari Jumaat, 13 April adalah hari raya bagi kaum Melayu. Majlis pelancaran yang dilakukan dengan membaca ayat-ayat

sejati Al-Quran oleh Hajji Othman Mohd. Sabir bin Haji Ahmad penuntut ilmunya Sekolah Menteri Beruang Syidina Othman Bin Affan.

Fermangku Pengarah, Perundungan Kampung Halaman yang dilantik pada 10 Mac lalu salah satu "platform" yang sentiasa diperlukan dalam menyampaikan pandangan dan pendapat mengenai perkembangan dan pihak kerajaan selaras dengan dasar yang berkongsesan. Keterbukaan dan keadilan kepada pembuakan kerajaan dalam menangani perkembangan negara.

Anggota Hajji Junaidi menambah bahawa "Jabatan Penerangan, dalam usaha untuk memperbaiki dan memperbaiki rambu-rambu kerajaan supaya sama-sama berperanan bersama-sama dalam melaksanakan kegiatan dengan hasilat supaya ia dapat memberi manfaat kepada rakyat yang mempunyai teras kejawen dan kepribadian terhadap bangsa negara kita."

Acara-acara Kuiz Kelahiran Kenegaraan yang dilaksanakan pada hari Jumaat, 13 April di seluruh petang, Acara yang bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan perlawanannya walaupun perbahasan di antara peserta kuiz yang berjaya yang dikenali sebagai "Fermangku".

Acara-acara ini diadakan oleh ahli Jawatankuasa Majlis Perundungan Mukim Telisai yang berkecimpung dalam kerajaan oleh Jabatan Penerangan.

Sebelum ini, majlis dilaksanakan pada pagi hari PERTAMALAN yang memanfaatkan nyanyian dan tarian tradisional jenaka oleh artis-artis tempatan.

Persembahan itu mendapat sambutan yang sangat menggalakkan dan merangsang minima penduduk Mukim Telisai dan sekitarnya.

Program Hari Penerangan kali kedua ini bertemakan "Menjadikan Masyarakat Bermaklumat"

Pedoman

“Oleh itu, ingatlah kepada-Ku dengan mematuhi hukum dan undang-undang-Ku supaya Aku membalsamkan dengan kebaikan dan bersyukurlah kamu kepada-Ku dan janganlah kamu kufur akan nikmat-Ku.”

- (Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 152).

Tanamkan kesedaran mengenai ASEAN diteruskan

Oleh: Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad/Noraishah Muhammed/Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto: Muhammad Asri Haji Awang Abas/Dk. Nur Hafilah Pg. Osman/Ihsan Unit Hal Ehwal Antarabangsa

TUTONG, Selasa, 3 April. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Hal Ehwal Antarabangsa, selaku Sekretariat bagi Jawatankuasa Kecil Penerangan ASEAN-COCCI mengadakan Jerayawara Kenali ASEAN di Dewan Serbaguna, Sekolah Menengah Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (SM RIPAS).

Hadir selaku tetamu kehormat dalam program tersebut ialah Pengetua SM RIPAS, Dayang Hajah Amal Nuriyah binti Haji Kumpoh.

ANTARA penuntut yang hadir.



Sementara itu pada hari Selasa, 10 April taklimat yang sama diadakan di Dewan Sekolah Menengah Sayyidina Umar Al-Khattab yang turut dihadiri oleh Pengetua sekolah berkenaan iaitu Dayang Sinasuria binti Haji Ibrahim selaku tetamu kehormat.

Taklimat Kenali ASEAN disampaikan oleh Pegawai Luar Penerangan, Unit Hal Ehwal Antarabangsa, Awang Isa bin Haji Abdul Rahman.



SESI Kuiz ASEAN bersama para pelajar.



TETAMU kehormat menyampaikan hadiah-hadiah kepada salah seorang penuntut yang berjaya menjawab Kuiz ASEAN.

Taklimat Kenali ASEAN disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Ketua Unit Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Penerangan, Dayang Mufidah binti Abdul Hakim selaku Setiausaha bagi Jawatankuasa Kecil Penerangan.

Tetamu kehormat juga menyampaikan hadiah-hadiah kepada sepuluh penuntut yang berjaya menjawab Kuiz ASEAN dan penyampaian cenderamata.

Seterusnya pada hari Khamis, 12 April taklimat yang sama diteruskan lagi yang diadakan di Bilik Perpustakaan, Sekolah St. Angela, Seria.

Hadir sama dalam program tersebut ialah Pengetua Sekolah St. Angela, Ms. Shea Wann Chia dan tenaga pengajar sekolah berkenaan.

Taklimat disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Ketua Unit Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Penerangan, Dayang Mufidah binti Abdul Hakim, selaku Setiausaha bagi Jawatankuasa Kecil Penerangan.



SEBAHAGIAN daripada penuntut yang menghadiri Sesi Taklimat Jerayawara ASEAN di Sekolah St. Angela, Seria.

Jabatan Penerangan adakan Jerayawara Penggunaan Banner

Oleh: Haniza Abdul Latif

Foto: Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 18 April. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan buat julung kalinya mengendalikan Jerayawara Penggunaan *banner*, Bendera dan Bahan-bahan Yang Mempunyai Kepentingan Nasional, bertempat di Dewan Theatre, Bangunan Kolej International Graduate Studies (KIGS).

Jerayawara tersebut bertujuan untuk meningkatkan kefahaman, pengetahuan dan kesedaran awam mengenai penggunaan *banner*, bendera negara dan bahan-bahan yang mempunyai kepentingan nasional ke arah menjaga kehormatan negara, menanam tanggungjawab menghormati, melindungi integriti bendera negara serta panji-panji Negara Brunei Darussalam setiap masa.

Selain itu, untuk memastikan penggunaan *banner*, bendera negara dan bahan-bahan yang mempunyai kepentingan nasional dilaksanakan mengikut garis panduan dan tatacara yang betul.

Isi kandungan jerayawara ialah taklimat yang menyentuh mengenai tatacara betul dalam penggunaan *banner*, pengibaran bendera negara dan bahan-bahan yang mempunyai kepentingan nasional yang disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Jabatan Penerangan, Awang Musa bin Mohiddin.

Jerayawara diteruskan dengan tayangan video mengenai Bendera Negara dan Tatacara Menaik-kibarkan Bendera Negara dan diakhiri dengan sesi soal jawab.



FORUM dan sesi soal jawab dari agensi kerajaan yang dijemput.



PEGAWAI Penerangan, Awang Musa bin Mohiddin memberi penerangan mengenai bendera negara dan tatacara menaik-kibarkan bendera negara.

Lebih 50 peserta yang terdiri daripada pengurus dan penyelia dari syarikat-syarikat perniagaan di kawasan perniagaan Kampung Kiulap hadir pada jerayawara tersebut.

Turut hadir ialah Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar.

Juga hadir bagi sesi soal jawab pada jerayawara berkenaan ialah pegawai-pegawai dari Jabatan Adat Istiadat Negara; Jabatan Peguam Negara; Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan (ABCi), Kementerian Pembangunan dan Unit Stor dan Perbekalan, Jabatan Perbendaharaan, Kementerian Kewangan.



ANTARA yang hadir dari syarikat-syarikat tempatan dan luar di Brunei Darussalam.

Kukuhkan semangat solidariti pelajar

Oleh: Noraisah Muhammed/Khartini Hamir/ Nooratini Haji Abas/Marlinawaty Hussin/Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto: Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah/Hernie Suliana Haji Othman/ Hamzah Mohidin/Muhammad Asri Haji Awang Abas/Dk. Nur Hafilah Pg. Osman/Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin

TUTONG, Selasa, 3 April. - Jabatan Penerangan melalui Cawangan Penerangan Daerah Tutong kali ini meneruskan Taklimat ‘Raja Kita, Menghayati Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam’ di Dewan Serbaguna Sekolah Menengah Sufri Bolkiah (SMSB).

Seramai 127 penuntut Tahun 7 sekolah berkenaan menghadiri taklimat yang disampaikan oleh Ketua Cawangan Penerangan Daerah Tutong, Awang Hasanul Hidayat bin Haji Abu Bakar.

Program diteruskan dengan Kuiz Kenegaraan yang dikendalikan oleh Pembantu Pegawai Luar Penerangan, Awang Akui bin Anam dan diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada para penuntut yang berjaya menjawab Kuiz Kenegaraan.

Taklimat juga dihadiri oleh Pengetua SMSB, Dayang Goh Siah Ching, timbalan-timbalan pengetua dan tenaga-tenaga pengajar sekolah berkenaan.

Sementara itu, pada hari Selasa, 10 April, taklimat yang sama diadakan di Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Lumut yang dihadiri oleh seramai 172 pelajar Tahun 7 sekolah berkenaan.

Taklimat berkenaan disampaikan oleh Ketua Cawangan Daerah Belait, Pengiran Haji Ahmad Fadillah Akhbar bin Pengiran Haji Sellahuddin.

Hadir sama dalam program tersebut ialah Pengetua Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Lumut, Dayang Halizawati binti Kepli serta guru-guru sekolah berkenaan.

Para penuntut juga berpeluang menyertai Kuiz Kenegaraan yang dikendalikan oleh Jabatan Penerangan.



PEGAWAI Penerangan, Awang Hassanul Hidayat semasa menyampaikan taklimat.



SEBAHAGIAN daripada penuntut yang hadir.



KETUA Cawangan Daerah Belait, Pengiran Haji Ahmad Fadillah Akhbar bin Pengiran Haji Sellahuddin semasa menyampaikan Taklimat Kenegaraan di Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Lumut.



SEBAHAGIAN daripada penuntut SMPAPHRSB, Lumut yang menghadiri taklimat anjuran Jabatan Penerangan Cawangan Daerah Belait.



KETUA Cawangan Penerangan Daerah Belait, Pg. Haji Ahmad Fadillah Akhbar bin Pg. Haji Sellahuddin semasa menyampaikan Taklimat Kenegaraan di Sekolah St. Angela Seria pada 16 April 2018.



PEMANGKU Ketua Cawangan Penerangan Daerah Temburong, Awang Ah Chua bin Bangau ketika menyampaikan Taklimat bertajuk ‘Raja Kita’, Menghayati Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Allah Peliharakan Sultan di Sekolah Arab, Temburong pada 19 April 2018.



PEGAWAI Penerangan, Ketua Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya semasa menyampaikan taklimat di Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri pada 21 April 2018.



TAKLIMAT disampaikan oleh Penolong Pegawai Penerangan, Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Awang Mohd. Nurakram bin Noraini @ Bahrin di Dewan Sekolah Menengah Sayyidina Hassan, Kilanas pada 24 April 2018.



PENOLONG Pegawai Penerangan, Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Awang Mohd. Nurakram bin Noraini @ Bahrin semasa menyampaikan hadiah kepada salah seorang penuntut yang berjaya menjawab Kuiz Kenegaraan di Sekolah Menengah Sayyidina Umar Al-Khattab pada 25 April 2018.



ANTARA penuntut Tahun 7 yang meyertai Program Taklimat Kenegaraan di Sekolah Menengah Katok pada 26 April 2018.

Hayati peranan penubuhan ASEAN dan negara

Oleh: Haniza Abdul Latif/Hernie Suliana Haji Othman
Foto: Hernie Suliana Haji Othman/Mohd. Sahrizal Haji Said

JERAYAWARA Kenali ASEAN dilaratkan lagi pada 17, 19 dan 21 April 2018 di beberapa buah sekolah antaranya Sekolah Menengah Perdana Wazir (SMPW), Kuala Belait, Ma'had Islam Brunei, Tutong dan Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit (SUAMPRIPAD).



PENGETUA Ma'had Islam Brunei, Pengiran Haji Asmady bin Pengiran Haji Aliuddin menyampaikan hadiah kepada salah seorang penuntut yang berjaya menjawab Kuiz Kenali ASEAN pada jerayawara yang berlangsung 19 April 2018.



PEGAWAI Penerangan, Dayang Mufidah binti Abdul Hakim menyampaikan Taklimat Kenali ASEAN kepada penuntut-penuntut Sekolah Menengah Perdana Wazir, Kuala Belait pada 17 April 2018.



PARA penuntut Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit berpeluang menyertai Kuiz ASEAN pada 21 April 2018.

Terapkan kefahaman tentang peraturan

Berita dan Foto: Unit Penerbitan Melayu

PADA 21, 23, 24 dan 26 April, pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan menghadiri Kursus Peraturan-Peraturan Pegawai-Pegawai Kerajaan (Kelakuan dan Tatatertib), Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, (Penggal 83) yang diadakan di Dewan Auditorium, Bangunan Tambahan, Jabatan Penerangan.

Kursus tersebut disampaikan oleh Pegawai Pentadbir Tingkat 1, Dayang Hajah Rabi'atul'adawiyah binti Haji A.Ahmad.



KURSUS disampaikan oleh Pegawai Pentadbir Tingkat 1, Dayang Hajah Rabi'atul'adawiyah binti Haji A.Ahmad.



ANTARA pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan yang menghadiri kursus tersebut.



Peserta Program Kembara Muslimah tinjau Jabatan Penerangan

Oleh: Khartini Hamir
Foto: Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 28 April. - Rombongan Muslimah Masjid Kampung Perpindahan Mata-Mata yang mengikuti Program Kembara Muslimah mengadakan lawatan ke Ibu Pejabat Jabatan Penerangan, Berakas.

Rombongan seramai 14 orang Muslimah masjid itu diketuai oleh Ketua Muslimah Masjid Kampung Mata-Mata, Dayang Hajah Masisalamah binti Haji Mumin telah diberikan taklimat mengenai fungsi dan peranan Jabatan Penerangan oleh Pegawai Penerangan, Awang Ali Termizzi bin Haji Ramlli/Haji Ramli.

Dalam taklimatnya Awang Ali Termizzi antara lain menyentuh mengenai sejarah penubuhan Jabatan Penerangan pada 1 April 1952, yang dulu dikenali sebagai Perkhidmatan Penerangan.

Rombongan juga berpeluang menyaksikan tayangan klip video ‘Ristaan Sempena Memperingati Penubuhan Jabatan Penerangan Ke-65 Tahun’ dan klip video Aplikasi Mudah Alih Jabatan Penerangan ‘InfoDeptBN’.



Rombongan Muslimah semasa mengadakan lawatan ke Unit Pelita Brunei.

Senarai pegawai dan kakitangan yang menyertai taklimat/kursus/bengkel pada bulan ini

NAMA	JAWATAN	NAMA KURSUS/BENGKEL / SEMINAR/TAKLIMAT	TARIKH	TEMPAT
Hajah Rosidah binti Haji Ismail	Pegawai Penerangan	PE2104 Kursus Penyampaian Berkesan	9-12 April 2018 (4 hari)	Bilik Kuliah, Aras 3, IPA
Saadiatul Nur Aqilah binti Haji Jaman	Pegawai Penerangan	PE2104 Kursus Penyampaian Berkesan	9-12 April 2018 (4 hari)	Bilik Kuliah, Aras 3, IPA
Awang Ali Termizzi bin Haji Ramlli/Haji Ramli	Pegawai Penerangan	PE2104 Kursus Penyampaian Berkesan	9-12 April 2018 (4 hari)	Bilik Kuliah, Aras 3, IPA
Awang Mohammad Hisham bin Idris	Pegawai Penerangan	PE2104 Kursus Penyampaian Berkesan	9-12 April 2018 (4 hari)	Bilik Kuliah, Aras 3, IPA
Pengiran Ikram bin Pengiran Haji Ahmad	Penolong Pegawai Penerangan	PE2104 Kursus Penyampaian Berkesan	9-12 April 2018 (4 hari)	Bilik Kuliah, Aras 3, IPA

BAHAGIAN/UNIT/CAWANGAN	NAMA KURSUS/BENGKEL / SEMINAR/TAKLIMAT	TARIKH	TEMPAT
Unit Pentadbiran Unit Kewangan Unit Stor dan Estet Unit Seni Grafik Unit Penerbitan Melayu Unit Penerbitan Inggeris 1 Unit Penerbitan Inggeris 2	Kursus Peraturan-peraturan Pegawai-pegawai Kerajaan (Kelakuan dan Tatatertib), Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, (Penggal 83)	26 April 2018	Dewan Auditorium, Bangunan Tambahan, Jabatan Penerangan
Unit Foto Meja A Meja B Meja C Meja Iklan Meja Kandungan Khas	Kursus Peraturan-peraturan Pegawai-pegawai Kerajaan (Kelakuan dan Tatatertib), Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, (Penggal 83)	21, 23 & 24 April 2018	Dewan Auditorium, Bangunan Tambahan, Jabatan Penerangan

Sila layari laman sesawang Jabatan Penerangan di:

<http://www.penerangan.gov.bn>
<http://www.information.gov.bn>
<http://www.pelitabrunei.gov.bn>
<http://infofoto.gov.bn>

Media Sosial Penerangan:



APLIKASI MUDAH ALIH InfoDeptBN



Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri



[infodept.bn](#)



[infodept_bn](#)

**Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB3510, Negara Brunei Darussalam.
Tel : 2383400 Faks : 2382242**